

Sedia membantu anda bila-bila masa

Daftarkan produk anda dan dapatkan sokongan di
www.philips.com/welcome



SBT10



Manual pengguna

PHILIPS

Daftar kandungan

1	Penting	2
2	Pembesar suara mudah alih anda	3
	Pengenalan	3
	Apa dalam kotak ini	3
	Gambaran keseluruhan pembesar suara	4
3	Mulakan	5
	Caskan bateri terbina dalam	5
	Kuasa hidup/mati	5
4	Gunakan peranti Bluetooth	6
	Sambungkan peranti	6
	Mainkan audio melalui Bluetooth	6
	Membuat panggilan	7
	Kosongkan maklumat berpasangan	7
5	Dengar di peranti luaran	8
6	Maklumat produk	9
	Maklumat Am	9
	Bluetooth	9
	Amplifier	9
7	Menyelesaikan masalah	10
	Am	10
	Mengenai peranti Bluetooth	10
8	Notis	11
	Pematuhan	11
	Jagaan alam sekitar	11
	Notis tanda dagangan	11
	Hak cipta	11

1 Penting



Catatan

- Plat jenis terletak pada bahagian belakang produk.


- Baca arahan ini.
- Beri perhatian pada semua amaran.
- Ikuti semua arahan.
- Jangan gunakan perkakas ini berdekatan dengan air.
- Jangan pasang berdekatan sebarang sumber haba seperti radiator, penghala haba, dapur atau perkakas lain (termasuklah amplifier) yang menghasilkan haba.
- Hanya gunakan alat tambahan/aksesori yang ditentukan pengeluar.
- Rujuk semua servis kepada personel servis yang berkelayakan. Servis diperlukan apabila perkakas telah rosak dengan apa cara, seperti air tertumpah ke atasnya atau objek termasuk ke dalam perkakas, perkakas didedahkan pada hujan atau kelembapan, tidak beroperasi secara normal, atau telah dijatuhkan.
- Bateri tidak boleh didedahkan pada haba melampau seperti cahaya matahari, api, atau apa-apa sepertinya.
- Perkakas ini tidak boleh didedahkan kepada titisan atau percikan.
- Jangan letakkan sebarang sumber berbahaya pada perkakas (cth. objek berisi air, lilin menyala).



Awas

- Pengeluaran bateri terbina dalam mentaksahkan waranti dan boleh merosakkan produk.

Sentiasa bawa produk anda kepada ahli profesional untuk mengeluarkan bateri terbina dalam.



2 Pembesar suara mudah alih anda

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftar produk anda di www.philips.com/welcome.

Pengenalan


Dengan pembesar suara ini, anda boleh

- mendengar audio dari peranti luaran melalui sambungan Bluetooth,
- mendengar audio dari peranti luaran melalui soket **AUX**, dan
- membuat panggilan telefon.


Apa dalam kotak ini

Periksa dan kenal pasti kandungan pakej anda:

- Unit utama
- Kabel USB
- Manual pengguna ringkas
- Risalah keselamatan



Gambaran keseluruhan pembesar suara



- ① ⏪
• Hidupkan atau matikan pembesar suara.
• Apabila pembesar suara dimatikan, tekan dan tahan untuk mengosongkan maklumat berpasangan.

- ② 🎤
• Sewaktu dalam panggilan, bisukan mikrofon bersepadu atau lepaskannya dari status bisu.

- ③ 🔍▶||
• Mula, jeda atau sambung semula mainan.
• Tekan untuk menjawab panggilan masuk.
• Tekan untuk menamatkan panggilan semasa.
• Tekan dan tahan untuk menolak panggilan masuk.

- Tekan dua kali untuk mendal nombor yang terakhir dipanggil.
- Tekan dua kali untuk menahan panggilan semasa dan menjawab panggilan masuk yang lain.

④ Penunjuk Bluetooth

- Menunjukkan status semasa sambungan Bluetooth.

⑤ AUX

- Menyambung ke pemain luaran.

⑥ DC 5V

- Mengecas semua bateri terbina dalam.

⑦ Mikrofon bersepadu

⑧ BATT

- Sewaktu pengecasan, menunjukkan status semasa bateri.

3 Mulakan

Sentiasa ikuti arahan dalam bab ini mengikut urutan.

Caskan bateri terbina dalam

Pembesar suara dikuasakan oleh bateri boleh cas semula terbina dalam.

Catatan


- Sebelum menggunakan, cas bateri terbina dalam sepenuhnya.

Kuasa hidup/mati

Tekan dan tahan  selama 2 saat.

Catatan

- Jika kabel input audio disambungkan pada soket **AUX**, produk ini tidak dimatikan kuasa secara automatik. Untuk menyimpan kuasa bateri, putuskan sambungan kabel input audio atau matikan produk secara manual selepas digunakan.
- Dalam mod Bluetooth, jika sambungan Bluetooth tidak sah untuk 15 minit, produk ini dimatikan kuasa secara automatik.



Sambungkan kabel USB antara

- soket **DC 5V** pada pembesar suara dan
- soket USB pada komputer.

Penunjuk pengecasan

Penunjuk di bahagian bawah menunjukkan status bateri sewaktu pengecasan.

Penunjuk Bateri

Hijau	Kurang pengecasan
Mati	Dicaskan sepenuhnya

4 Gunakan peranti Bluetooth

Dengan pembesar suara ini, anda boleh mendengar audio dari pemain dan membuat panggilan melalui Bluetooth.

Catatan

- Pastikan tiada kabel input audio yang disambungkan pada soket **AUX**.
- Philips tidak menjamin keserasian dengan semua peranti Bluetooth.
- Sebelum memasangkan peranti dengan sistem ini, baca manual pengguna untuk keserasian Bluetooth.
- Produk ini boleh mengingati maksimum 8 peranti berpasangan.
- Pastikan fungsi Bluetooth didayakan pada peranti anda dan peranti anda telah ditetapkan sebagai boleh dilihat oleh semua peranti Bluetooth yang lain.
- Sebarang halangan antara sistem ini dan peranti Bluetooth boleh mengurangkan julat operasi.
- Jauhkan dari peranti elektronik lain yang boleh menyebabkan gangguan.

Putuskan sambungan peranti

Pada peranti anda, nyahdayakan sambungan Bluetooth dengan produk ini.

Catatan

- Sebelum menyambung peranti Bluetooth yang lain, putuskan sambungan peranti semasa dahulu.

Sambung semula peranti

- Bagi peranti Bluetooth berpasangan yang didayakan sambungan semula secara automatik, produk ini menyambung semula dengannya sebaik sahaja ia dikesan.
- Bagi peranti Bluetooth berpasangan yang tidak menyokong sambungan semula secara automatik, produk ini menyambung semula dengannya secara manual.

Mainkan audio melalui Bluetooth

Catatan

- Jika peranti Bluetooth yang disambungkan menyokong Profil Pengagihan Audio Lanjutan (A2DP), anda boleh mendengar lagu yang disimpan pada peranti itu melalui sistem tersebut.
- Jika peranti itu menyokong Profil Kawalan Jauh Video Audio (AVRCP), anda boleh memainkannya pada produk ini.
- Jika peranti yang disambungkan tidak menyokong AVRCP, kawalan mainan adalah pada peranti disambungkan.
- Jika terdapat panggilan masuk pada telefon mudah alih yang disambungkan, mainan muzik akan menjeda.

Butang Fungsi

	Mula, jeda atau sambung semula mainan.
--	----------------------------------------

Sambungkan peranti

- 1 Hidupkan pembesar suara.
- 2 Pada peranti anda, cari peranti Bluetooth.
- 3 Dalam senarai peranti, pilih **PHILIPS SBT10**.
 - Jika terdapat mesej yang menggesa untuk keizinan bagi sambungan Bluetooth dengan **PHILIPS SBT10**, sahkaninya.
 - Jika kata laluan diminta, masukkan **0000** dan kemudian sahkan.

Nota: Pastikan bahawa tiada kabel input audio yang di sambungkan pada soket **AUX**.

Penunjuk Bluetooth

Penunjuk Sambungan Bluetooth

Biru berklik	Menyambung atau menunggu sambungan
Biru	Bersambung

Membuat panggilan


Butang	Fungsi
▶	Tekan untuk menjawab panggilan masuk.
	Tekan untuk menamatkan panggilan semasa.
	Tekan dan tahan untuk menolak panggilan masuk.
	Tekan dua kali untuk mendail nombor yang terakhir dipanggil.
	Tekan dua kali untuk menahan panggilan semasa dan menjawab panggilan masuk yang lain.
🔇	Bisukan mikrofon bersepada atau lepaskannya daripada status bisu.

Kosongkan maklumat berpasangan

Apabila produk dimatikan, tekan dan tahan ⓧ selama 8 saat.

5 Dengar di peranti luaran

Anda juga boleh mendengar di peranti audio luaran, sebagai contoh, pemain MP3, melalui produk ini.



- 1 Sambungkan kabel input audio dengan penyambung 3.5 mm pada kedua-dua hujung penyambung
 - soket **AUX** pada produk ini dan
 - soket fon kepala pada peranti luaran.
- 2 Mainkan audio pada peranti luaran (rujuk manual pengguna peranti).

6 Maklumat produk



Catatan

- Maklumat produk tertakluk pada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.

Maklumat Am

Bekalan Kuasa 5 V, 0.6 A
(menerusi soket USB)

Bateri terbina dalam Bateri litium

Dimensi - Unit Utama
(L x T x D) 107 x 71 x 36 mm

Berat - Unit Utama 0.12 kg

Bluetooth

Spesifikasi Bluetooth V2.1+EDR

Profil disokong HFP v1.6, A2DP v1.2,
HSP v1.2

Amplifier

Kuasa Output Yang Ditarafkan 1.2 W RMS

Nisbah Isyarat ke Hingar > 62 dBA

Input AUX 600 mV RMS,
22 kOhm

7 Menyelesaikan masalah



Amaran

- Jangan keluarkan sarung peranti ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba membaiki sistem ini sendiri.

Jika anda menghadapi masalah semasa menggunakan peranti ini, periksa perkara-perkara berikut sebelum memohon servis. Jika masalah tetap tidak dapat diselesaikan, pergi ke halaman Web Philips (www.philips.com/support). Apabila anda menghubungi Philips, pastikan peranti berada berdekatan dan nombor model dan nombor siri tersedia.

Am

Tiada kuasa.

- Cas semula pembesar suara anda.

Tiada bunyi

- Laraskan kelantangan pada peranti disambungkan.
- Apabila anda mendengar audio melalui Bluetooth, pastikan tiada kabel input audio yang disambungkan pada soket **AUX**.
- Pastikan peranti Bluetooth anda berada dalam julat operasi berkesan.

Tiada respons dari pembesar suara

- Mulakan pembesar suara.

Mengenai peranti Bluetooth

Kualiti audio kurang baik selepas melakukan sambungan dengan peranti didayakan Bluetooth.

- Penerimaan Bluetooth lemah. Alih peranti lebih dekat kepada produk ini atau alih keluar sebarang halangan antara dua peranti ini.

Tidak dapat bersambung dengan peranti.

- Fungsi Bluetooth pada peranti ini tidak didayakan. Rujuk manual pengguna peranti mengenai cara untuk mendayakan fungsi.
- Produk ini sudah pun disambungkan dengan peranti didayakan Bluetooth yang lain. Putuskan sambungan peranti itu dan kemudian cuba lagi.

Peranti yang dijadikan sambungan sentiasa bersambung dan memutuskan sambungan.

- Penerimaan Bluetooth lemah. Alih peranti lebih dekat kepada produk ini atau alih keluar sebarang halangan antara dua peranti ini.
- Bagi sesetengah peranti, sambungan Bluetooth boleh dinyahaktifkan secara automatik sebagai ciri menyimpan kuasa. Ini tidak menunjukkan sebarang malfungsi pada produk.

8 Notis

Apa-apa perubahan atau pengubahsuaian yang dibuat pada peranti ini yang tidak diluluskan secara nyata oleh Philips Consumer Lifestyle boleh membatalkan kebenaran pengguna untuk mengendalikan peralatan ini.

Pematuhan



Produk ini mematuhi keperluan gangguan radio Komuniti Eropah.

Produk ini mengisyiharkan bahawa ia mematuhi keperluan asas dan peruntukan lain yang relevan bagi Arahan 1999/5/EC.

Satu salinan pengisyiharan Keakuruan EC yang tersedia dalam Format Dokumen Mudah Alih versi (PDF) bagi manual pengguna di www.philips.com/support.

Jagaan alam sekitar



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.



Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC.

Sila pastikan diri anda termaklum mengenai sistem kutipan berasingan setempat bagi produk elektrik dan elektronik.

Sila bertindak menurut peraturan setempat anda dan jangan buang produk lama anda dengan sisa rumah anda yang biasa. Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah potensi akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.



Produk anda mengandungi bateri yang diliputi oleh Arahan Eropah 2006/66/EC, yang tidak boleh dilupuskan bersama sisa rumah yang biasa. Sila pastikan diri anda termaklum mengenai peraturan setempat berkaitan kutipan berasingan bateri kerana pelupusan yang betul membantu mencegah akibat yang negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

Maklumat persekitaran

Semua pembungkusan yang tidak perlu telah dikeluarkan. Kami telah cuba menjadikan pembungkusan mudah dipisahkan kepada tiga bahan: kadbur (kotak), polistirena (penimbang) dan polietilena (beg helaian pelindung berbentuk buih).

Sistem anda terdiri dari bahan yang boleh dikitar semula dan digunakan semula jika dibuka oleh syarikat khusus. Sila patuhi peraturan tempatan mengenai pelupusan bahan pembungkusan, bateri lama dan kelengkapan lama.

Notis tanda dagangan

Tanda dan logo Bluetooth® word adalah tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan bagi tanda seperti itu oleh Philips di bawah lesen.

Hak cipta

2013 © Koninklijke Philips Electronics N.V.
Spesifikasi boleh ditukar tanpa notis. Tanda
dagangan adalah hak Koninklijke Philips
Electronics N.V atau pemilik masing-masing.
Philips mempunyai hak untuk menukar produk
pada bila-bila masa tanpa bertanggungjawab
untuk menyesuaikan bekalan awal sewajarnya.



Specifications are subject to change without notice
© 2013 Koninklijke Philips Electronics N.V.
All rights reserved.

SBT10_00 UM_V1.0

